



ALLIANCE BANK

Alliance Bank VCC Activation Campaign Terms and Conditions

1. VCC Activation Campaign ("Campaign") is organised by Alliance Bank Malaysia Berhad ("ABMB") and shall run from 1 December 2023 to 31 March 2024 (both dates inclusive) or such other time period as notified by ABMB from time to time ("**Campaign Period**").
2. This Campaign is open to all approved Principal Credit Cardholder(s) of an ABMB Visa Virtual Credit Card ("Eligible Card") and who meet the conditions listed below ("Eligible Cardholders"):
 - i. Eligible Card was activated and spent within the campaign period
3. The following individuals are NOT eligible to participate in this Campaign:
 - i. Individuals below the age of 21 years old;
 - ii. Individuals who are financially insolvent or have been adjudicated a bankrupt; and/ or
 - iii. Any other person(s) as ABMB may decide to exclude as per the Bank's internal procedure.
 - iv. Transactions made by the Eligible Cardholders with any merchant associated with or controlled by him/her (whether as an employee, employer, proprietor, partner, shareholder or director), i.e. transactions by an Eligible cardholders with any corporation or business entity in which he/she is an employee or employer or works with or has shares or interest in or is a director of.
4. The Eligible Cardholders must activate their Eligible Cards during the Campaign Period in order to get the Reward (as defined hereunder).
5. The Eligible Cardholder must have a registered Boost Account, tied to their Mobile Number. This Mobile Number must be **the same** as your Mobile Number tied to the Eligible Card.

VCC Rewards Campaign Mechanics

6. Eligible Cardholders must activate their ABMB Visa Virtual Credit Card and spend in a minimum of 1 single transaction using the one-time dynamic card number or subscription payment on the allianceonline mobile app or any participating partners app (if any) to participate in the Campaign ("Campaign Criteria"), by following these simple steps:-
 - i. Click on the "Create Card Number" feature and choose either "One-time" or "Subscription".
 - ii. Copy the card number into the e-billing service provider platform after successfully creating the Dynamic Card Number (DCN).
 - iii. The Rewards is only given to a maximum of 950 Eligible Cardholders throughout the Campaign Period and is given out on a first-come, first-served basis.
 - iv. Eligible Cardholders are only entitled to a maximum of one (1) unit of reward throughout the Campaign

Rewards Fulfilment Process

7. The Rewards will be fulfilled within two (2) months upon card activation and transaction being successfully charged by the service provider, with May 2024 being the final month for fulfilment.
8. The Boost Rewards will be credited into your Boost Account directly.
9. The Boost Rewards are divided into 2 categories per below. For the avoidance of doubt, eligible cardholders will be rewarded with RM100 Boost Credits on a first-come, first-basis. Once the units of Boost Credits have been exhaustive, the next eligible cardholders will be rewarded with 40,000 Boost Stars.
 - i. RM100 Boost Credits (350 units)
 - ii. 40,000 Boost Stars (600 units)
10. Eligible Cardholder(s) who fulfils the Campaign Criteria will be eligible to receive the Cashback in the manner/ example explained below:

Eligible Cardholder	Card Approval	Card Activation	Month of Minimum 1 transaction Spend	Eligible for Boost Rewards	Rewards Fulfilment Month
A	Before start of Campaign Period	During Campaign Period	November 2023	Yes	January 2024
B	During Campaign Period	During Campaign Period	December 2023	Yes	February 2024
C	During Campaign Period	During Campaign Period	March 2024	Yes	May 2024
D	During Campaign Period	During Campaign Period	April 2024	No	N/A
E	During Campaign Period	After Campaign Period	April 2024	No	N/A
F	During Campaign Period	During Campaign Period	None	No	N/A

General Terms and Condition

11. Any one or more transactions posted under the credit card account of the Eligible Cardholders may be disqualified by ABMB under the following circumstances:
 - i. Payment for the Virtual Credit Card has been due for thirty (30) days or more and/or
 - ii. The account in respect of the Virtual Credit Card is suspected to have been operated fraudulently and/or;
 - iii. The account in respect of the Virtual Credit Card is closed or suspended by ABMB
 - iv. The transactions performed on the account related to the virtual credit card were reversed.
12. By participating in this Campaign, Eligible Cardholders are required to read, and understand the terms provided before agreeing to be bound to the Campaign Terms and Conditions. This Campaign Terms and Conditions and ABMB's decision on all matters relating to this Campaign shall be final and binding on all Eligible Cardholders and no correspondences and/or appeal in respect thereof shall be entertained.
13. ABMB reserves the right to withdraw/ cancel, terminate, suspend or extend this Campaign and to add, delete, suspend and/ or vary this Campaign Terms and Conditions, wholly or in part as per ABMB internal policies with prior notice by way of posting on ABMB's website, display at branch premises or advertisements or by any other means of notification which ABMB may choose and such shall be binding on the Eligible Cardholders as from the date of the notification or from such other date as may be specified by ABMB in the notification. Eligible Cardholders hereby agree to access ABMB's website at regular intervals to view the latest version of the Campaign Terms and Conditions.
14. ABMB reserves the right to change or substitute at any times, at its own discretion as per ABMB internal policies, the Reward with other item(s) or reward(s) of similar value with prior notice via ABMB's website.
15. ABMB shall not be responsible nor shall accept any liabilities of whatsoever nature howsoever arising or suffered by Eligible Cardholders resulting directly or indirectly from this Campaign due to cardholders own action. ABMB shall not be liable or held responsible to the Eligible Cardholders in any manner whatsoever if ABMB is unable to perform any of its obligations under this Campaign directly or indirectly due to any force majeure event which include but not limited to any act of God, war, strike, riot, industrial dispute, lockout, fire, drought, flood, storm or any event beyond the reasonable control of ABMB.
16. ABMB shall not be responsible for any technical failures of any kind, whatsoever intervention, interruption, electronic error and/ or any failure or delay in the transmission of evidence of transactions by Visa, merchant establishments, postal or telecommunication authorities or any other party which may affect the Eligible Cardholder's entitlement during the Campaign Period.
17. This Campaign Terms and Conditions shall be supplemental to the existing Terms and Conditions governing the Eligible Cardholders' Credit Card and banking accounts maintained with ABMB ("**Existing Terms**").

18. The Eligible Cards and accounts of the Eligible Cardholder's must at all times (i) be valid, in good credit standing and not be in breach of any terms of this Campaign Terms and Conditions or the Existing Terms; and (ii) not be terminated or closed or be made subject to any attachment, adverse orders made by Court or any authorities sanctioned by laws, delinquent and/ or invalid or cancelled as may be determined by ABMB in order to be entitled for the Reward.
19. ABMB reserves the right to disqualify the participation of any Eligible Cardholders or forfeit the Reward in circumstances where there is a fraudulent, unauthorised or reversal of transaction(s) or breach or potential breach of these Campaign Terms and Conditions at its discretion. All records of ABMB on the transaction(s) made shall be conclusive and final.
20. For the avoidance of doubt, any cancellation, termination, suspension or extension of this Campaign or disqualification of the Eligible Cardholders or forfeiture of the Reward shall not entitle the Eligible Cardholders to any claim or compensation against ABMB or for any and all losses or damages suffered by the Eligible Cardholders as a direct or indirect result of the act of cancellation, termination, suspension, extension, disqualification or forfeiture due to the Eligible Cardholders own act.
21. Eligible Cardholders shall be personally responsible for all taxes, rates, government fees or any other charges that may be levied against them under applicable laws, if any, in relation of this Campaign.
22. This Campaign Terms and Conditions including the additions, deletions, variations and/or amendments as may be made in respect thereof from time to time shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and unless as agreed otherwise by ABMB, the Eligible Cardholders agree to submit to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.
23. Eligible Cardholders hereby give their unequivocal and irrevocable consent and authorise ABMB to use, publish and/ or display the names, any photographs taken, any videos recorded and/ or other information for advertising and/ or promotion limited to this Campaign only, without any compensation to the Eligible Cardholders.
24. By participating in this Campaign, the Eligible Cardholders agree that they have read the Notice and Choice Principle Statement available at ABMB's website (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-ENG.pdf>) and hereby give their consent and authorise ABMB to disclose their particulars to any third party service provider engaged by ABMB for the purpose of this Campaign.
25. ABMB has instituted and maintains policies and procedures designed to prevent bribery and corruption by ABMB and its directors, officers, or employees; and to the best of ABMB's knowledge, neither ABMB nor any director, officer, or employee of ABMB has engaged in any activity or conduct which would violate any anti-bribery or anti-corruption law or regulation applicable to ABMB. ABMB has not, and covenants that it will not, in connection with the conduct of its business activities, promise, authorise, ratify or offer to make, or take any act in furtherance of any payment, contribution, gift, reimbursement or other transfer of anything of value, or any solicitation, directly or indirectly to any individual.

26. By virtue of participating in this Campaign, the Eligible Cardholders hereby acknowledges that it has been made aware of ABMB's anti-bribery and corruption summary of the policy available at <https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Corporate-Governance/Anti-Bribery-and-Corruption-Policy.pdf> and further covenants/undertakes that it shall not indulge in such corrupt practices in whatsoever manner whether directly or indirectly with any directors, officers or employees of ABMB.



ALLIANCE BANK

**Terma dan Syarat
Kempen Aktivasi VCC
Alliance Bank**

1. Kempen Pengaktifan VCC ("Kempen") dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("ABMB") dan akan berlangsung mulai 1 Disember 2023 hingga 31 Mac 2024 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tempoh masa lain yang mungkin dimaklumkan oleh ABMB dari semasa ke semasa ("**Tempoh Kempen**").
2. Kempen ini terbuka kepada semua Pemegang Kad Kredit Utama yang diluluskan untuk Kad Kredit Maya Visa Platinum ABMB ("**Kad yang Layak**") dan memenuhi kriteria berikut ("**Pemegang Kad yang Layak**"):
 - i. Kad yang Layak diaktifkan and dibelanjakan dalam Tempoh kempen
3. Individu berikut **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
 - i. Individu berusia 21 tahun ke bawah;
 - ii. Individu yang tidak mampu dari segi kewangan atau telah dihukum sebagai mufli; dan/atau
 - iii. Mana-mana orang lain yang ABMB mungkin memutuskan untuk dikecualikan mengikut prosedur dalaman Bank.
 - iv. Transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad Layak dengan mana-mana peniaga yang dikaitkan dengan atau dikawal olehnya (sama ada sebagai pekerja, majikan, pemilik, rakan kongsi, pemegang saham atau pengarah), iaitu transaksi oleh Pemegang Kad yang Layak dengan mana-mana perbadanan atau entiti perniagaan di mana dia ialah pekerja atau majikan atau bekerja dengan atau mempunyai saham atau kepentingan dalam atau ialah pengarah.
4. Pemegang Kad yang Layak perlu mengaktifkan Kad yang Layak semasa Tempoh Kempen untuk mendapatkan Ganjaran (seperti yang ditakrifkan di bawah).
5. Pemegang Kad Layak mesti mempunyai Akaun Boost berdaftar, terikat dengan nombor telefon bimbit mereka. Nombor telefon bimbit ini mestilah sama dengan nombor telefon bimbit yang terikat pada Kad Layak.

Tatacara Ganjaran Kempen Pengaktifan VCC

6. Untuk menyertai Kempen, Pemegang Kad yang Layak perlu membuat perbelanjaan minimum satu (1) transaksi tunggal menggunakan "One-time" Nombor Kad Dinamik ataupun membuat pembayaran "Subscription" dalam aplikasi mudah alih allianceonline atau mana-mana aplikasi Kad Kredit Maya (VCC) ("Kriteria Kempen") rakan niaga yang menyertai (jika ada), dengan mengikuti langkah mudah berikut:-
 - i. Klik pada ciri "Cipta Nombor Kad" dan pilih "One-time" ataupun "Subscription".
 - ii. Setelah berjaya mencipta Nombor Kad Dinamik (DCN), salin nombor kad pada platform pembekal perkhidmatan e-pembilan.
 - iii. Pulangan Tunai hanya diberikan berdasarkan siapa cepat dia dapat dan dihadkan kepada 950 Pemegang Kad yang Layak sepanjang Tempoh Kempen.
 - iv. Setiap Pemegang Kad yang Layak hanya layak mendapat maksimum satu (1) Ganjaran sepanjang Kempen.

Proses Pemenuhan Ganjaran

7. Ganjaran akan dipenuhi dalam tempoh dua (2) bulan selepas transaksi berjaya dicaj oleh pembekal perkhidmatan, yang mana Mei 2024 sebagai bulan terakhir untuk pemenuhan.
8. Ganjaran Boost akan dikreditkan ke dalam Akaun Boost anda secara terus.
9. Ganjaran Boost dibahagikan kepada 2 kategori seperti di bawah. Untuk mengelakkan keraguan, Pemegang Kad yang Layak akan diberi ganjaran RM-100 Boost Credits atas dasar siapa cepat dia dapat. Apabila unit ganjaran telah habis, Pemegang Kad yang Layak seterusnya akan diberi ganjaran 40,000 Boost Stars.
 - i. RM100 Boost Credits (350 unit)
 - ii. 40,000 Boost Stars (600 unit)
10. Pemegang Kad yang Layak yang memenuhi Kriteria Kempen adalah layak menerima Pulangan Tunai dalam cara/ccontoh yang dijelaskan di bawah:

Pemegang Kad yang Layak	Kad Diluluskan	Kad Diaktifkan	Bulan Perbelanjaan Minima RM100	Layak Pulangan Tunai	Bulan Pengisian Ganjaran
A	Sebelum Tempoh Kempen Bermula	Semasa Tempoh Kempen	November 2023	Layak	Januari 2024
B	Semasa Tempoh Kempen	Semasa Tempoh Kempen	Disember 2023	Layak	Februari 2023
C	Semasa Tempoh Kempen	Semasa Tempoh Kempen	Mac 2024	Layak	Mei 2024
D	Semasa Tempoh Kempen	Semasa Tempoh Kempen	April 2024	Tidak Layak	N/A
E	Semasa Tempoh Kempen	Selepas Tempoh Kempen	April 2024	Tidak Layak	N/A
F	Semasa Tempoh Kempen	Semasa Tempoh Kempen	Tiada	Tidak Layak	N/A

Terma dan Syarat Am

11. ABMB berhak untuk membatalkan mana-mana satu atau lebih transaksi yang dinyatakan di bawah akaun Kad Kredit Pemegang Kad yang Layak di mana:-
 - i. Pembayaran untuk Kad Kredit Maya telah perlu dibayar sejak tiga puluh (30) hari atau lebih dan/atau
 - ii. Akaun berkenaan dengan Kad Kredit Maya disyaki telah dikendalikan secara penipuan dan/atau;
 - iii. Akaun berkenaan dengan Kad Kredit Maya ditutup atau digantung oleh ABMB
 - iv. Akaun berkenaan dengan Kad Kredit Maya mempunyai pembalikan transaksi yang dibuat
12. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dikehendaki membaca dan memahami terma yang disediakan sebelum bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen. Terma dan Syarat Kempen ini dan keputusan ABMB berhubung semua perkara berkaitan Kempen ini adalah muktamad dan terikat untuk semua Pemegang Kad yang Layak dan sebarang surat menyurat dan/atau rayuan tidak akan dilayan.
13. ABMB berhak untuk menarik balik/membatalkan, menamatkan, menggantung atau melanjutkan Kempen ini dan menambah, memadam, menggantung dan/atau mengubah Terma dan Syarat Kempen ini, secara sepenuhnya atau sebahagiannya mengikut dasar dalaman ABMB dengan memberikan notis awal melalui siaran pada laman web ABMB, paparan di premis cawangan atau iklan atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang ABMB pilih dan ini hendaklah mengikat Pemegang Kad yang Layak mulai tarikh pemberitahuan atau mulai tarikh lain seperti yang dinyatakan oleh ABMB dalam pemberitahuan. Pemegang Kad yang Layak dengan ini bersetuju untuk mengakses laman web ABMB dari semasa ke semasa untuk melihat versi terkini Terma dan Syarat Kempen ini.
14. ABMB berhak untuk menukar atau menggantikan pada bila-bila masa, mengikut budi bicaranya sendiri sebagaimana dasar dalaman ABMB, Ganjaran kempen ini dengan item lain atau ganjaran yang sama nilai dengan memberikan notis awal melalui laman web ABMB.
15. ABMB tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima apa-apa liabiliti walau apa pun sifatnya yang timbul atau dialami oleh Pemegang Kad yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini akibat tindakan Pemegang Kad yang Layak itu sendiri. ABMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Pemegang Kad yang Layak dalam apa cara sekalipun jika ABMB tidak dapat melaksanakan mana-mana kewajipannya di bawah Kempen ini secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh sebarang peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bencana alam, peperangan, mogok, rusuhan, pertikaian industri, sekatan keluar, kebakaran, kemarau, banjir, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah ABMB.
16. ABMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan teknikal dalam apa jua bentuk, apa jua campur tangan, gangguan, ralat elektronik dan/atau sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi oleh Visa, kedai saudagar, pihak berkuasa pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak lain yang mungkin menjejaskan kelayakan Pemegang Kad yang Layak semasa Tempoh Kempen.

17. Terma dan Syarat Kempen ini adalah tambahan kepada Terma dan Syarat sedia ada yang mentadbir Kad Kredit dan akaun perbankan Pemegang Kad yang Layak dengan ABMB ("**Terma Sedia Ada**").
18. Kad yang Layak dan akaun Pemegang Kad yang Layak hendaklah pada setiap masa (i) sah, dalam kedudukan kredit yang baik dan tidak melanggar mana-mana kandungan Terma dan Syarat Kempen ini atau Terma yang Sedia Ada; dan (ii) tidak boleh ditamatkan atau ditutup atau dibuat tertakluk kepada sebarang lampiran, perintah sekatan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh ABMB untuk layak mendapat Ganjaran.
19. ABMB mengikut budi bicaranya berhak untuk melucutkan penyertaan mana-mana Pemegang Kad yang Layak atau membatalkan Ganjaran dalam keadaan di mana terdapat transaksi penipuan, tanpa kebenaran atau pembalikan transaksi atau pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini. Semua rekod ABMB berkaitan transaksi yang dibuat adalah tidak boleh dipertikaikan dan muktama
20. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Kempen ini atau perlucutan kelayakan Pemegang Kad yang Layak atau perampasan Ganjaran tidak melayakkan Pemegang Kad yang Layak untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap ABMB atau untuk mana-mana dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan, penggantungan, pelanjutan, kehilangan kelayakan atau pelucuthakan disebabkan oleh tindakan Pemegang Kad yang Layak itu sendiri.
21. Pemegang Kad yang Layak secara peribadi bertanggungjawab terhadap semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berkaitan Kempen ini.
22. Terma dan Syarat Kempen ini termasuk penambahan, pemotongan, perubahan dan/atau pindaan yang mungkin dibuat dari semasa ke semasa akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kecuali sebagaimana yang dipersetujui sebaliknya oleh ABMB, Pemegang Kad yang Layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
23. Pemegang Kad yang Layak dengan ini memberikan persetujuan yang sepenuhnya dan tidak boleh ditarik balik dan membenarkan ABMB untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar foto yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk tujuan pengiklanan dan/atau promosi yang terhad kepada Kempen ini sahaja, tanpa sebarang pampasan kepada Pemegang Kad yang Layak.
24. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Penyata Prinsip Notis dan Pilihan yang terdapat di laman [web](https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-BM.pdf) ABMB (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-BM.pdf>) dengan ini memberikan persetujuan mereka dan memberi kuasa kepada ABMB untuk mendedahkan

butiran mereka kepada mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan oleh ABMB untuk tujuan Kempen ini.

25. ABMB telah memperkenalkan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang direka untuk mencegah rasuah dan korupsi oleh ABMB dan para pengarah, pegawai atau pekerjanya; dan sepanjang pengetahuan ABMB, ABMB mahupun mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja ABMB tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan anti-rasuah atau anti-korupsi yang terpakai untuk ABMB. ABMB tidak, dan berjanji bahawa ia tidak akan, berhubung dengan pengendalian aktiviti perniagaannya, berjanji, memberi kuasa, mengesahkan atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan bagi meneruskan sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau pemindahan lain apa-apa yang bernilai, atau sebarang permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
26. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan tentang ringkasan dasar anti-rasuah dan korupsi ABMB yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Corporate-Governance/Anti-Bribery-and-Corruption-Policy.pdf> dan perjanjian/akujanji selanjutnya bahawa mereka tidak akan terlibat dalam amalan rasuah tersebut dalam apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja ABMB.